

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang **Sewa Beli Perindustrian** anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**



RHB BANK BERHAD

No. Pendaftaran: 196501000373 (6171-M)

Tarikh :

1

Apakah yang ditawarkan oleh produk Sewa Beli Perindustrian?

Sewa Beli Perindustrian ("SBP") adalah kemudahan pinjaman untuk memperolehi peralatan dan mesin ("barang-barang") bagi kegunaan perniagaan. Dalam kontrak SBP, pemilik sah adalah Pembekal Perkhidmatan Kewangan ("PPK"). Penyewa hanya menyewa barang-barang tersebut daripada PPK. Hak miliksah hanya akan berpindah kepada penyewa selepas semua ansuran dalam perjanjian SBP dijelaskan.

2

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Sewa Beli Perindustrian ini, sebagai ilustrasi:

- Kos Peralatan : RM _____
- Deposit : RM _____
- Amaun Bersih Pinjaman : RM _____
- Kadar faedah rata : _____ %
- Kadar faedah efektif tahunan : _____ %
- Tempoh : _____ tahun
- Ansuran Prabayar : _____ bulan

Membayar balik ansuran bulanan seperti berikut:

- _____ ansuran bulanan sebanyak RM _____
- Ansuran terakhir : RM _____
- Jumlah yang mesti dibayar balik termasuk jumlah yang dipinjam : RM _____

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

- **Duti Setem:** Duti Ad Valorem seperti yang termaktub di dalam Akta Setem 1949 (Semakan 1989).
- **Penstrukturan / Penjadualan Semula:**
 - 1) **Pelanggan PKS:** Berdasarkan Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989).
 - 2) **Pelanggan Korporat:** Berdasarkan Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989) dan RM230 bayaran pemprosesan.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani nya.



Bayar ansuran bulanan anda **tepat pada masanya dan sepenuhnya** semasa tempoh pembiayaan. Hubungi Bank jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Pastikan anda mampu **membayar ansuran yang lebih tinggi** jika Kadar Polisi Semalaman (OPR) meningkat.



Hubungi Bank dengan segera, jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

NOTA PENTING:

Maklumat yang terkandung dalam Lembaran Pendedahan Produk ini diberikan secara umum, tanpa sebarang obligasi, dan adalah semata-mata untuk tujuan makluman sahaja. Kandungan ini adalah berdasarkan kepada beberapa andaian dan maklumat yang tersedia pada tarikh dokumen ini, yang kesemuanya tertakluk kepada perubahan pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu. Dokumen ini mungkin diterjemahkan ke dalam bahasa selain daripada Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai

3

Ketahui Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda gagal membayar ansuran bulanan anda?

- Caj bayaran lewat yang akan dikenakan ialah _____ % setahun dikira secara harian ke atas baki ansuran yang tertunggak.
- Pihak Bank berhak untuk menarik balik barang-barang yang dibiayai.
- **TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA MELANGGARPERJANJIAN SBP BERKENAAN DENGAN PEMBAYARAN BALIK ANSURAN.**

- a) **Bagaimana jika saya/kami menyelesaikan baki pinjaman sepenuhnya sebelum tarikh matang?**
- Anda dikehendaki memberi notis tiga (3) bulan secara bertulis.
 - Anda layak untuk mendapat diskaun ke atas faedah bagi baki tempoh pinjaman yang tinggal kerana menyelesaikan semua ansuran sebelum tarikh matang
- b) **Adakah saya/kami perlu ada insurans/perindungan takaful?**
- Mesin dan peralatan statik mesti diinsuranskan dengan Insuran Mesin dan Peralatan Perniagaan (BME).
 - Peralatan bergerak yang tidak dilesenkan untuk kegunaan di jalan awam mesti diinsuranskan dengan Insurans Semua Risiko (EAR).
 - Peralatan bergerak yang digunakan di jalan awam mesti diinsuranskan dengan Insurans Komprehensif. Insurans Premium Tunggal (untuk BME dan EAR) adalah diperlukan untuk melindungi seluruh tempoh pinjaman. Pengambil insurans mempunyai pilihan untuk memasukkan Premium Tunggal ke dalam pinjaman dandibayar secara ansuran dalam tempoh pembayaran balik. Polisi ini layak untuk mendapat Diskaun Perjanjian Jangka Panjang.
 - Anda dikehendaki untuk mengemukakan satu salinan pembaharuan polisi insurans kepada kami tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar sebelum tarikh matang polisi insurans pada tahun-tahun yang berikutnya sementara barang-barang masih di bawah perjanjian sewa beli.
Nota: Sebut harga akan disediakan oleh kakitangan jualan kami untuk perlindungan insurans tersebut yang ditawarkan oleh RHB Insurance Berhad. Anda bebas menggunakan perkhidmatan penanggung insurans / takaful bukan panel. Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan kelewatan dalam menginsuranskan barang-barang anda, perlantikan panel penanggung insurans RHB adalah sangat digalakkan.
- c) **Bagaimana jika saya/kami gagal untuk memperbaharui polisi insurans?**
- Kami akan memperbaharui polisi insurans anda mengikut budi bicara kami dan mendebitkan kos pembaharuan tersebut kepada akaun Sewa Beli anda atau akaun semasa anda dengan kami selepas tujuh (7) hari calendar notis diberikan kepada anda. Ini adalah untuk memastikan anda dilindungi dengan secukupnya daripada masalah kewangan yang timbul daripada kejadian yang tidak diduga.
- d) **Bagaimana pembayaran balik terhadap akaun Sewa Beli Perindustrian saya akan diperuntukan?**
- Pembayaran balik terhadap akaun Sewa Beli Perindustrian anda akan diperuntukan kepada premium insurans yang tertunggak terlebih dahulu sebelum diperuntukan kepada ansuran bulanan.
- e) **Adakah penjamin diperlukan?**
- Ya.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Sewa Beli Perindustrian anda, anda boleh:



Hubungi kami di talian:
03-9206 8118



Kunjungi kami di:
<http://www.rhbgroup.com>



E-mel kami di:
customer.service@rhbggroup.com



Imbas kod QR di atas